

05 DEC 2000

Mahathir-Harga

KERAJAAN PASTIKAN BEKALAN BARANGAN PERLU MENCUKUPI, KATA DR MAHATHIR

SHAH ALAM, 5 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan bahawa bekalan barangan perlu adalah mencukupi semasa musim perayaan ini dan rakyat Malaysia mampu membelinya pada harga yang sewajarnya.

"Kerajaan akan memastikan bekalan yang mencukupi bagi daging lembu, ayam dan barangan perlu lain dan rakyat tidak harus membelinya pada harga yang tinggi," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Royal Mint of Malaysia, syarikat penempaan duit syiling pertama negara, di Kompleks Kilang Wang, di sini.

Beliau berkata kadar inflasi tahun ini adalah di bawah tiga peratus dan tahap inflasi yang rendah itu menunjukkan bahawa harga barangan di negara ini tidak naik walaupun terdapat peningkatan harga minyak.

Bagaimanapun, Dr Mahathir mengakui bahawa masih ada pihak yang tidak bertanggungjawab yang akan cuba mengaut keuntungan dengan menaikkan harga semasa musim perayaan ini.

Hari Raya Aidilfitri dan Hari Krismas akan disambut hujung bulan ini manakala Tahun Baru Cina pada pertengahan Januari 2001.

Menjawab pertanyaan sama ada kakitangan kerajaan akan menerima bonus tahun ini, Perdana Menteri berkata: "Itu kena tanya Menteri Kewangan (Tun Daim Zainuddin)...saya tak tahu. Kalau ada duit kita bagi bonus, tak ada duit kita tak bagilah."

Ditanya tentang kemungkinan imbuhan tertentu diberikan kepada kakitangan awam jika bonus tidak diberikan, Dr Mahathir berkata: "Saya dengar Menteri Kewangan sedang timbang."

Mengenai isu kekurangan doktor di negara ini, beliau berkata ia adalah sebab mengapa Malaysia memerlukan khidmat doktor asing, yang menganggap gaji yang dibayar oleh kerajaan adalah tinggi.

"Kita memerlukan banyak doktor dan doktor kita sendiri tidak mahu bekerja dengan kerajaan. Mereka lebih suka kerja dengan swasta kerana pendapatan jauh lebih banyak," katanya.

Baru-baru ini, Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Seri Suleiman Mohamed memberitahu Dewan Rakyat bahawa kerajaan pada dasarnya bersetuju mengambil kira-kira 800 doktor dari beberapa negara luar seperti Indonesia, Bangladesh dan Myanmar.

Dr Mahathir juga berkata pihak yang bertanggungjawab perlu meneliti dakwaan bahawa rakyat Malaysia yang berkhidmat sebagai doktor di luar negara tetapi kini mahu kembali bertugas di negara ini menghadapi kesukaran mendapatkan Sijil Amalan Perubatan yang wajib dimiliki.

-- BERNAMA

MAM AHH NAK